

02/03/1999

Tiga syarikat labur RM3,420j

Kamal Ahmad in Dhaka

DHAKA, Isnin - Tiga syarikat utama Malaysia, iaitu Telekom Malaysia Bhd, Celcom (Malaysia) Sdn Bhd dan Petronas, membuat pelaburan berjumlah kira-kira AS\$900 juta (RM3,420 juta) di Bangladesh.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memaklumkan perkara itu ketika mengunjungi rakan sejawatnya dari Bangladesh, Sheikh Hasina Wajed di sini, hari ini.

Bercakap kepada pemberita selepas kunjungan itu, Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata dalam pertemuan itu kedua-dua pemimpin turut menyentuh mengenai keperluan meningkatkan kerjasama dan perdagangan dua hala Malaysia-Bangladesh.

"Mereka juga membincangkan kedudukan pekerja Bangladesh di Malaysia. Perdana Menteri memberitahu, kegawatan ekonomi sekarang tidak mengizinkan pekerja baru Bangladesh dibawa masuk ke Malaysia.

"Bagaimanapun, perkara itu akan ditimbang semula apabila ekonomi pulih," katanya sambil memberitahu pekerja Bangladesh di Malaysia menghantar pulang kira-kira RM100 juta untuk keluarga mereka, setahun.

Dr Mahathir tiba di sini semalam untuk menghadiri sidang kemuncak kedua Kumpulan Lapan Negara Islam Membangun (D8) yang berlangsung hari ini dan esok.

D8 dianggotai Malaysia, Bangladesh, Indonesia, Iran, Pakistan, Turki, Mesir dan Nigeria.

Selepas itu, Perdana Menteri menerima kunjungan Timbalan Presiden Pertama Iran, Dr Hassan Habibi.

Kedua-duanya membincangkan pelbagai isu semasa dan kepentingan bersama, termasuk usaha meningkatkan kerjasama ekonomi dan perdagangan selain mempermudah semua urusan dokumen dan undang-undang berkaitan sektor itu.

Pada sebelah malam, Dr Mahathir dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali menghadiri jamuan negara di Bangabhaban, kediaman rasmi Presiden Shahabuddin Ahmed. Turut hadir, ketua kerajaan dan menteri kanan negara anggota D8.

(END)